

**KAJIAN TERHADAP SENI PERSEMBAHAN SILAT  
KUNTAU JAWA DI BALIK PULAU, PULAU PINANG.**

**HABSAH BINTI ROZAHIMI**

**UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**2021**

**MALAYSIA**

**KELANTAN**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

KAJIAN TERHADAP SENI PERSEMBAHAN SILAT KUNTAU JAWA DI BALIK  
PULAU, PULAU PINANG.

HABSAH BINTI ROZAHIMI

C17A0057

Projek penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN

2021

## PERAKUAN TEKS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam teks ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

|                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam (teks penuh)   |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

*HABSAH*



971116-07-5082

RAJA ISKANDAR RAJA HALID

Tarikh: 5.2.21

Tarikh: 5.2.21

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim, terlebih dahulu bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat menyelesaikan penulisan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Pertama sekali ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian ini iaitu Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid yang sentiasa meluangkan masa untuk menyemak, menyumbangkan idea dan memberi bimbingan sepenuhnya. Sesungguhnya setiap pengorbanan masa dan pemikiran penyelia amat dihargai.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa menitipkan doa untuk permudahkan segala urusan saya disini. Mereka juga telah banyak menyokong saya dari segi kewangan untuk mnghasilkan kajian saya ini.

Disamping itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada responden saya iaitu Encik Johari Bin Omar dan Encik Mohamad Nazrin Bin Ahmad Shahid kerana sudi memberikan kerjasama, bantuan dan juga memberi maklumat yang saya perlu dalam menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan penghargaan juga saya ucapkan kepada rakan-rakan yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bantuan yang saya perlukan semasa menyiapkan kajian ini. Segala jasa anda amat saya hargai dan semoga Allah merahmati anda semua.

## KANDUNGAN

## HALAMAN

|                             |      |
|-----------------------------|------|
| <b>PERAKUAN TEKS</b>        | i    |
| <b>PENGHARGAAN</b>          | ii   |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>        | iii  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>        | vi   |
| <b>ABSTRAK</b>              | vii  |
| <b>ABSTRACT</b>             | viii |
| <br>                        |      |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>    |      |
| 1.1 Latar Belakang Kajian   | 3    |
| 1.2 Permasalahan Kajian     | 6    |
| 1.3 Persoalan Kajian        | 7    |
| 1.4 Objektif Kajian         | 7    |
| 1.5 Skop Kajian             | 7    |
| 1.6 Kepentingan Kajian      | 8    |
| 1.7 Kesimpulan Bab          | 9    |
| <br>                        |      |
| <b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b> |      |
| 2.1 Pengenalan              | 10   |
| 2.1.1 Silat Kuntau Jawa     | 10   |
| 2.1.2 Silat                 | 11   |
| 2.1.3 Seni Persembahan      | 13   |
| 2.1.4 Muzik                 | 14   |

|   |    |
|---|----|
| 2.1.5 Seni Persembahan Pulau Pinang                                 | 15 |
| <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>                                      |    |
| 3.1 Pengenalan  | 16 |
| 3.2 Kaedah Penyelidikan   | 16 |
| 3.3 Kaedah Pengumpulan Data   | 17 |
| 3.3.1 Data Primer   | 17 |
| 3.3.2 Data Sekunder   | 19 |
| <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>   |    |
| 4.1 Pengenalan  | 20 |
| 4.2 Maklumat Informan   | 21 |
| 4.3 Struktur Persembahan Silat Kuntau Jawa Balik Pulau, Pulau Pinag | 23 |
| 4.3.1 Jurus Tempur 31 (Siku Lanun)                                  | 24 |
| 4.3.2 Persembahan Untuk Majlis                                      | 25 |
| 4.3.3 Berlawan  | 27 |
| 4.4 Alat Muzik Silat Kuntau Jawa                                    | 29 |
| 4.4.1 Gendang Ibu   | 30 |
| 4.4.2 Gendang Anak  | 31 |
| 4.4.3 Serunai   | 32 |
| 4.4.4 Gong  | 33 |
| 4.4.5 Kompang   | 34 |

|  |    |
|--|----|
| 4.5 Cara Alat Muzik Dimainkan              | 35 |
| 4.5.1 Gendang Ibu dan Gendang Anak         | 35 |
| 4.5.2 Serunai                              | 36 |
| 4.5.3 Gong                                 | 36 |
| 4.6 Lagu-lagu yang dalam Silat Kuntau Jawa | 37 |
| 4.7 Kesimpulan Bab                         | 40 |
| <br>                                       |    |
| <b>BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>       |    |
| 5.1 Pengenalan                             | 41 |
| 5.2 Kesimpulan                             | 41 |
| 5.3 Cadangan                               | 43 |
| 5.3.1 Cadangan Kepada Sekolah              | 43 |
| 5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat           | 43 |
| 5.3.3 Cadangan Kepada Negara               | 44 |
| <br>                                       |    |
| <b>RUJUKAN</b>                             | 45 |
| <b>LAMPIRAN</b>                            | 47 |

## SENARAI RAJAH

| NO.   | HALAMAN |
|---|---------|
| Rajah 1 Peta Kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang                  | 4       |
| Rajah 2 Pengerusi Pertubuhan Penggerak Seni Warisan             | 21      |
| Rajah 3 Ketua Pemuda Pertubuhan Penggerak Seni Warisan          | 21      |
| Rajah 4 Latihan Jurus Tempur 31 (SIku Lanun)                    | 23      |
| Rajah 5 Persembahan Silat di Majlis Perkahwinan                 | 25      |
| Rajah 6 Pesilat Diserang Musuh                                  | 27      |
| Rajah 7 Gendang Ibu   | 29      |
| Rajah 8 Gendang Anak  | 30      |
| Rajah 9 Alat Muzik Serunai                                      | 31      |
| Rajah 10 Alat Muzik Gong  | 32      |
| Rajah 11 Alat Muzik Kompang                                     | 33      |
| Rajah 12 Gendang Muzik Pertubuhan Penggerak Seni Warisan (PPSW) | 37      |



**KAJIAN TERHADAP SENI PERSEMBAHAN SILAT KUNTAU JAWA DI  
BALIK PULAU, PULAU PINANG.**

**ABSTRAK**

Dalam tesis ini menceritakan berkaitan kajian terhadap seni persembahan silat kuntau Jawa Balik Pulau, Pulau Pinang. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti struktur persembahan di dalam silat kuntau jawa, jenis-jenis alat muzik dan cara ia dimainkan di dalam persembahan silat kuntau jawa dan lagu yang terdapat di dalam persembahan silat kuntau jawa ini. Silat kuntau jawa ini merupakan salah satu seni silat mempertahankan diri yang unik kerana ianya mempunyai perbezaannya yang tersendiri berbanding dengan silat yang lain. Data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan data primer dan data sekunder dimana menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual dan pemerhatian. Temubual telah dijalankan ke atas dua orang responden iaitu ahli daripada Persatuan Penggerak Seni Warisan (PPSW) yang merupakan pertubuhan untuk silat kuntau jawa di Balik Pulau.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**STUDY ON THE PERFORMING ARTS OF SILAT KUNTAU JAWA IN BALIK  
PULAU, PULAU PINANG.**

**ABSTRACT**

In this thesis tells about the study on the performing arts of silat kuntau jawa Balik Pulau, Pulau Pinang. Therefore, this study was done to identify the structure of the performance in silat kuntau jawa, the types of musical instruments and the way it is played in the silat kuntau jawa performance and the songs that found in this silat kuntau jawa performance. Silat kuntau jawa is one of the unique martial arts because it has its own differences compared to other silat. The data obtained in this study is based on primary data and secondary data which uses qualitative methods namely interviews and observations. Interviews were conducted on two respondents, which is members from the Persatuan Penggerak Seni Warisan (PPSW) who are an organization for silat kuntau jawa in Balik Pulau.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

Menurut Kamus Dewan Keempat, seni didefinisikan sebagai sesuatu karya seperti sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta melalui bakat atau kecekapan hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala persembahan pula membawa maksud sesuatu yang dipersembahkan kepada umum contohnya seperti persembahan hiburan seperti muzik, nyanyian, tarian dan sebagainya. Seni persembahan merupakan rangkuman daripada hampir semua kegiatan dan kejadian dalam masyarakat terutamanya yang di dalamnya merangkumi struktur dan tatacara yang sesuai. Seni persembahan juga terdiri daripada seni persembahan muzik, nyanyian, tari dan juga lakonan. Selain itu juga menurut Rahmah Bujang (2002) seni persembahan ini merupakan sesuatu hasil yang telah dikaryakan oleh manusia dengan tujuannya untuk dipertontonkan kepada masyarakat.

Menurut Kamus Dewan, seni muzik merupakan gubahan bunyi yang dapat menghasilkan hiburan dalam bentuk lagu dan irama yang indah serta menyenangkan. Di Malaysia seni muzik tradisional merupakan salah satu seni yang tidak lapuk di dalam kalangan pelbagai etnik. Seni muzik tradisional merupakan warisan turun-temurun sesuatu kaum dan mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Muzik merupakan lambang estetika di dalam masyarakat Melayu kita. Alat muzik bukan sahaja dapat dijadikan sebagai hiburan, namun dapat menjadi alat untuk penyebaran maklumat dan pembentukan sahsiah. Sesetengah alat muzik mempunyai keunikan yang tersendiri yang boleh menaikkan semangat apabila digunakan dalam upacara tertentu.

Muzik merupakan bunyi-bunyian yang disusun yang mengandungi irama dan keharmonian terutamanya hasil dari bunyi alat-alat yang dapat menghasilkan irama.

Muzik juga berfungsi sebagai hiburan, nasihat dan sebagainya. Muzik secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu muzik tradisional dan juga muzik moden. Muzik juga adalah ungkapan rasa indah manusia yang wujud nada atau bunyi-bunyian yang mengandungi ritma dan harmoni.

Muzik juga berasal daripada perkataan Yunani yang membawa maksud sesuatu bunyi yang menyenangkan iaitu mempunyai harmoni, irama dan melodi. Muzik tidak merujuk kepada bakat atau keupayaan seseorang individu malah muzik merujuk kepada keupayaan manusia untuk mencipta, melaksanakan dan mentafsir makna muzik. Menurut ahli etnomuzikologis British iaitu John Blacking telah mewartakan di dalam bukunya yang bertajuk "*How Musical Is Man?*" telah menceritakan bagaimana sesuatu bunyi atau muzik itu disusun atur oleh manusia.

Silat merupakan seni bela diri bangsa Melayu dan bela diri ini diciptakan dan diamalkan oleh orang Melayu sejak sebelum kedatangan pengaruh luar di alam melayu lagi. Silat ialah ilmu perkelahian, pergaduhan, pertarungan dan ilmu seni perang Melayu tradisi yang di dalamnya terdapat pelbagai ilmu serta kemahiran membela diri.

Pencak Silat merupakan satu bentuk seni pertahanan diri masyarakat di Indonesia yang telah berkembang di seluruh nusantara seperti Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Manakala Silat adalah seni mempertahankan diri yang terkenal di Malaysia. Pencak Silat di Indonesia lebih kepada memiliki nilai budaya yang luas seperti seni, falsafah hidup, nilai rohani dan juga pendidikan. Manakala Silat di Malaysia adalah lebih menjurus kepada Silat sebagai olahraga dan seni mempertahankan diri. Silat juga terkenal sebagai sistem pertahanan diri yang banyak menggunakan kunci sama ada kunci urat saraf atau anggota tubuh. Istilah yang sering digunakan di dalam persembahan silat adalah "kunci mati".

Di dalam seni persembahan silat juga terdapat penggunaan muzik. Muzik di dalam seni persembahan silat ini digunakan untuk iringi persembahan silat tersebut dan sekiranya muzik tidak digunakan dalam persembahan silat ianya seperti menyanyikan lagu tanpa iringan muzik. Dalam persembahan silat juga terdapat alat-alat muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan silat antara alat muzik yang digunakan adalah seperti gendang, gong, serunai dan lain-lain lagi.


### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Di Malaysia terdapat pelbagai jenis kesenian yang sangat popular di setiap negeri dan salah satunya adalah di negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri yang kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang tersendiri. Pulau Pinang merupakan salah satu daripada 13 buah negeri di Malaysia yang terletak berhampiran dengan barat laut Semenanjung. Pulau Pinang juga terdiri daripada bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenai sebagai Seberang Perai (Abdul Rahim Hassan, 1991).

Namun di Pulau Pinang ini juga turut mempunyai isu-isu berbangkit berkaitan seni persembahan antara salah satunya ialah silat. Pada suatu ketika dahulu silat di Pulau Pinang ini juga turut mengalami isu dimana pada tahun 2009 kerajaan negeri Pulau Pinang ingin mengharamkan silat kerana dikatakan silat inilah yang menyebabkan kaum Melayu menjadi begitu angkuh. Hal ini demikian kerana telah menimbulkan isu perkauman dan dikatakan keris yang digunakan di dalam silat menyebabkan kaum lain berasa tidak selamat.

Balik Pulau merupakan salah satu tempat yang terkenal dengan kesenian di Pulau Pinang. Balik pulau merupakan salah satu bandar yang terletak di daerah Barat Daya Pulau Pinang. Antara kampung yang terdapat di Balik Pulau ialah Kampung Batu Putih,

Kampung Batu Kecil, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Rusa, Kampung Permatang Pasir, Kampung Pokok Manggis, Kampung Titi Teras, Kampung Permatang Tengah, Kampung Sungai Burung, Kampung Terang, Kampung Perlis, Kampung Genting, Kampung Genting Dalam, Kampung Shee Tan, Kampung Paya Simpang Empat Genting.



Rajah 1: Peta di kawasan Balik Pulau Pulau Pinang.

Di Balik Pulau ini kegiatan yang sering dilakukan oleh penduduk-penduduknya adalah seperti penanaman padi yang merupakan antara kegiatan yang dilakukan oleh penduduk di Balik Pulau. Selain itu, terdapat juga antara penduduk di Balik Pulau ini menjadi nelayan dan jati yang sering digunakan untuk memunggah ikan ialah di jati Pulau Betong dan jati Jalan Bahru. Ada juga yang melakukan aktiviti berkebun memandangkan Balik Pulau ini sangat terkenal dengan buah durian dan buah-buahan tempatan yang lain seperti rambutan dan juga manggis. Kegiatan-kegiatan ini merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk di Balik Pulau ini.

Kampung Sungai Rusa merupakan lokasi yang telah dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap seni persembahan Silat Kuntau Jawa ini. Hal ini kerana, di daerah Barat Daya Pulau Pinang, hanya di Kampung Sungai Rusa ini sahaja yang masih mengekalkan kegiatan silat kuntau jawa ini.



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Persembahan Silat Kuntau Jawa ini merupakan satu kesenian yang terkenal di Balik Pulau, Pulau Pinang. Namun begitu tidak ramai masyarakat pada masa kini yang ingin menceburi dalam bidang kesenian ini. Hal ini kerana masyarakat pada masa kini terutamanya dalam golong muda tidak meminati persembahan silat ini malah lebih mengikut kepada persembahan perkembangan semasa. Silat Kuntau Jawa ini juga mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan persembahan silat-silat yang lain. Pengkaji juga mendapati tiada kajian yang menyeluruh dilakukan berkaitan dengan Silat Kuntau Jawa ini.



### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah struktur persembahan di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang?
2. Apakah jenis-jenis alat muzik dan cara ia dimainkan di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang?
3. Apakah lagu-lagu yang terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengkaji struktur persembahan di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.
2. Untuk mengenalpasti jenis-jenis alat muzik dan cara ia dimainkan di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.
3. Untuk mengkaji lagu-lagu yang terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.

### 1.5 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih negeri Pulau Pinang sebagai lokasi untuk menjalankan kajian. Lokasi Silat Kuntau Jawa yang telah dipilih adalah di daerah Barat Daya Pulau Pinang iaitu di bandar Balik Pulau. Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat kajian berkaitan seni persembahan yang terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa. Pengkaji akan menemubual pengiat-pegiat seni Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau ini untuk mendapatkan maklumat. Kajian ini hanya menekankan tentang seni persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

- **Individu**

Dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam kepada individu-individu yang meminati seni Silat Kuntau Jawa ini berkaitan seni persembahan di dalam Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.

- **Masyarakat**

Dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan persembahan Silat Kuntau Jawa ini melalui struktur persembahan, jenis alat muzik dan cara ia dimainkan serta lagu-lagu terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa ini.

- **Institusi**

Kepentingan kepada institusi adalah supaya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang lain untuk mendapatkan maklumat dengan lebih senang.

## 1.7 KESIMPULAN BAB

Kesimpulannya, silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang terkenal di Malaysia. Silat terbahagi kepada beberapa jenis namun Silat Kuntau Jawa mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan silat-silat yang lain. Pengkaji memilih kajian terhadap seni persembahan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang kerana pengkaji mendapati kajian berkaitan silat kuntau ini tidak banyak dilakukan. Persembahan silat ini perlu dikekalkan dan diketengahkan supaya tidak ketinggalan zaman kerana silat merupakan salah satu daripada warisan tidak ketara di Malaysia. Oleh itu, pengkaji berharap agar matlamat dan objektif yang disampaikan tercapai dengan jayanya.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Di dalam bab ini pengkaji akan menjalankan tentang kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji lain berkaitan seni persembahan silat kuntau jawa. Sumber yang diperolehi berkaitan kajian lepas ini diperolehi melalui kajian pembacaan seperti buku, jurnal dan sumber internet. Dengan adanya kaedah sorotan kajian ini, pengkaji dapat memperolehi pengetahuan daripada pengkaji-pengkaji yang lepas.

##### **2.1.1 SILAT KUNTAU**

Pengkaji mendapati kajian berkaitan silat kuntau di Malaysia ini tidak banyak dilakukan. Namun terdapat beberapa penulisan yang dilakukan berkaitan silat kuntau tetapi tidak begitu mendalam.

Silat kuntau ini telah diasaskan oleh Ketua Guru Persatuan Silat Kuntau Malaysia iaitu pengasasnya ialah Zainon Ayob sekitar 30 tahun yang lepas di Kampung Panjang, Kedah. Menurut Zainon, persembahan silat kuntau ini dapat dijadikan sebagai disiplin di dalam diri dimana pesilat perlu mematuhi segala aspek pantang larang iaitu bagi setiap ahli wanita perlu memakai tudung dan bagi ahli lelaki pula dilarang untuk memakai segala jenis aksesori yang menyalahi hukum syarak.

Seterusnya menurut Zainul Faqar Yaacob (2013) di dalam akhbar Buletin Mutiara, Johari Omar berkata bahawa silat kuntau ini mempunyai maksud yang tersendiri. Silat kuntau ini di persembahkan dengan tangan memegang tanah sambil mendongak ke langit seakan akan memberi maksud bahawa kejadian manusia yang disebutkan oleh Allah S.W.T adalah daripada tanah yang hina.

Hal yang sama juga turut dikatakan oleh Samadi Ahmad di dalam akhbar Berita Harian (2016), menurut Mustaqim Mohd Salleh seni silat kuntau ini merupakan salah satu seni silat yang unik kerana silat ini dapat digambarkan dengan melalui seni tempur tanpa senjata. Silat kuntau ini juga bukanlah sekadar warisan yang perlu dikekalkan namun ia bermanfaat untuk mendekatkan diri kepada agama.

Setelah membuat pembacaan berkaitan kajian-kajian lepas pengkaji mendapati belum ada penulisan yang dilakukan terhadap seni persembahan di dalam silat kuntau jawa di Pulau Pinang. Kebanyakan penulisan hanya menceritakan berkaitan silat secara am dan banyak tertumpu kepada unsur seni, nilai estetika dan unsur mistik sahaja.

### **2.1.2 SILAT**

Secara amnya kajian silat yang dilakukan banyak berkaitan dengan silat gayong dan silat cekak. Pengkaji mendapati dua silat ini banyak dilakukan dan dikaji dari aspek-aspek lain selain daripada aspek muzik. Selain itu, pengkaji mendapati tiada lagi kajian berkaitan silat yang dilakukan di Pulau Pinang.

Menurut Sheikh Shamsuddin (2005) di dalam buku *The Malay Art of Self-Defense* yang mendefinisikan silat sebagai satu seni untuk menyerang dan mempertahankan diri dengan pantas dan ada juga yang mengatakan bahawa perkataan silat ini berasal daripada perkataan kilat. Menurut Aminuddin Anuar (2008) silat ini merupakan satu permainan, olahraga atau sukan yang menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri. Namun maksud silat ini dapat dibezakan melalui pandangan masing-masing. Pendapat juga mengatakan bahawa silat berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud persaudaraan dan juga senjata. Selain itu silat juga merupakan salah satu

seni pertarungan dan pertempuran berkaitan kelangsungan hidup yang berasal dari tamadun Melayu Kuno dan Indonesia.

Menurut Erirington (1975), beliau mempercayai bahawa asal usul silat di Semenanjung Malaysia sebenarnya boleh dikenang kembali kepada kisah Hang Tuah pada abad ke-15 dimana Hang Tuah dan lima sahabatnya merupakan salah satu sejarah dan mitologi yang penting dalam sejarah politik di Malaysia. Manakala menurut Donn F. Draeger (1972) yang merupakan salah seorang pakar seni beladiri berpendapat bahawa silat merupakan latihan yang bebas dari segi gerak fizikal.

Selain itu, terdapat juga sebuah tesis yang bertajuk *Deathscapes Of Malay Martial Artist* yang ditulis oleh Douglass (2005) yang mengatakan bahawa unsur-unsur spiritual dalam persilatan telah menyentuh mengenai kehidupan dan kematian yang dikaitkan dengan peralatan dan adat-adat dalam silat dimana peralatan ini memainkan peranan dalam aspek mistik silat.

### 2.1.3 SENI PERSEMBAHAN

Seni persembahan merujuk kepada teori dan amali tari, muzik, teater dan filem dan seni persembahan juga merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan budaya. Mohd Ghouse Nasaruddin (1992) berpendapat bahawa seni persembahan juga berasal daripada ritual pemujaan yang merupakan sebuah saluran untuk berkomunikasi dengan semangat yang dipercayai dapat mengawal kehidupan. Ritual pemujaan ini juga dapat dimanifestasikan melalui bunyi, pergerakan dan enakmen animasi.

Seni ini merangkumi pelbagai cabang antaranya ialah seni persembahan, seni tarian, seni lukis seni muzik dan sebagainya. Mohd. Ghouse Nasuruddin (2003) berpendapat bahawa seni ini mempunyai makna yang tersendiri dan seni ini adalah reaksi manusia dimana ia dapat menjadi cerminan kepada kehidupan, pemikiran dan keinginan masyarakat. Keindahan seni ini menjadi lumrah kepada jiwa manusia yang akan diekspresikan sehingga membentuk satu karya yang dipanggil sebagai seni.

Kesenian merupakan satu persembahan atau sesuatu unsur seni yang mempunyai ciri-ciri estetika, keindahan dan kecantikan. Menurut Aziz Deraman (2003), seni dan budaya mempunyai persamaan yang seiring dimana budaya dapat didefinisikan sebagai cara kehidupan yang luas merangkumi nilai, etika, adat, tradisi, permainan dan cabang seni yang lain.

#### 2.1.4 MUZIK

Istilah muzik berasal daripada bahasa Greek dan menurut ahli muzikologis iaitu Lois Lamy (1993) seni muzik ini merupakan bunyi atau nada suara yang atau bunyi bagi alat yang mengeluarkan muzik yang dapat mengeluarkan bunyi.

Terdapat penulisan yang mengatakan bahawa muzik dan gerakan merupakan dua kategori yang berlainan namun ianya saling berkaitan antara satu sama lain tetapi bukan untuk semua genre seni persembahan. Oleh itu terdapat buku yang bertajuk *Sounding The Dance, Moving The Music* yang ditulis oleh Ricardo D. Trimillos (2017), beliau mengatakan bahawa kebanyakan pendekatan dan penyelidikan tertumpu kepada pendekatan yang digunakan di Eropah Barat dimana penyelidikan hanya berfokus kepada etnomuzikologi secara berasingan. Seharusnya seni persembahan merupakan gabungan antara muzik dan gerakan yang membentuk satu entiti yang tidak dapat diasingkan.

Pengkaji mendapati terdapat satu artikel yang dibuat berkaitan alat muzik yang digunakan di dalam persembahan silat di Kepulauan Riau. Berdasarkan artikel *Silat Pengantin: Seni Pertunjukan Tradisi Melayu di Bentan Penao, Kepulauan Riau* yang ditulis oleh Widyanarto, Doni Febri Hendra, Siguti Aprinnostein (2019), mereka berpendapat bahawa muzik digunakan untuk mengiringi persembahan silat dan masih menggunakan alat muzik tradisional antaranya ialah gendang dan gong.

Hal yang sama juga turut diperkatakan oleh Mohd Ghouse Nasaruddin (1992) di dalam buku beliau iaitu *The Malay Traditional Music*, bahawa alat-alat muzik seperti gendang ibu dan anak, gong dan serunai merupakan alat muzik yang sering digunakan di dalam persembahan silat.



Oleh itu, berdasarkan kajian yang dibuat pengkaji mendapati kajian berkaitan muzik di dalam seni persembahan silat kuntau jawa di Pulau Pinang masih lagi belum ada kajian yang dilakukan. Namun kajian berkaitan muzik yang terdapat di Pulau Pinang hanya dikaji di dalam persembahan boria sahaja.

### **2.1.5 SENI PERSEMBAHAN PULAU PINANG**

Melalui kajian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebuah buku yang bertajuk *Merekayasa Kearifan Tempatan Citra Seni dalam Teknologi* yang ditulis oleh Mohd Kipli Abdul Rahman, Tarmiji Marson (2013), dimana Awis Alqarni Mohd Yusof mengatakan bahawa terdapat satu seni silat yang dilakukan di Pulau Pinang iaitu silat siku dua belas yang dicipta oleh Sheikh Mohamad Ghulam Meah atau lebih dikenali sebagai Dada atau Dada Meah. Silat siku dua belas ini dicipta untuk meningkatkan mutu seni bela diri orang Melayu di Pulau Pinang.

Selain itu pengkaji juga menjumpai satu artikel berkaitan alat-alat muzik yang digunakan di dalam persembahan Boria di Pulau Pinang. Artikel yang bertajuk *Warisan Kebudayaan Boria Dan Pelancongan* ditulis oleh Muhammad Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin dan Badaruddin Mohamed (2012), mereka berkata bahawa alat-alat muzik yang digunakan di dalam persembahan boria telah berubah mengikut peredaran masa.

Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati bahawa di negeri Pulau Pinang masih belum ada kajian yang dilakukan berkaitan dengan silat terutamanya silat kuntau jawa. Kebanyakan kajian yang terdapat di Pulau Pinang hanyalah berkaitan Boria sahaja

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan satu kaedah untuk mengumpul data dan bahan serta menganalisis data supaya dapat menghasilkan sesuatu bukti. Metodologi kajian ini juga merupakan satu proses untuk mengkaji sesuatu masalah dan juga kaedah yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini. Tujuan metodologi ini dilaksanakan adalah untuk membantu memahami dan mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Di dalam bab ini juga turut menjelaskan tentang kaedah-kaedah yang akan digunakan untuk membantu proses pengumpulan data dan menganalisis data. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah-kaedah ini dapat membantu untuk menyelesaikan semua objektif kajian yang telah dibuat.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua jenis kaedah iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Dua kaedah ini sangat penting untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan benar dalam menjalankan sesebuah kajian.

#### **3.2 KAEDAH PENYELIDIKAN**

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Bagi kaedah kualitatif ini merupakan kaedah untuk mengumpul data berbentuk teks atau perkataan. Menurut Lexy (2007), kaedah kualitatif ini merupakan cara penyelidikan yang akan menghasilkan data gambaran yang boleh diaamati pada penghujung kajian. Kaedah kualitatif juga terdiri dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan imej. Kaedah ini juga merupakan satu kaedah untuk pengkaji mendapatkan maklumat melalui responden.

### **3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Dalam menjalankan kajian berkaitan seni persembahan di dalam silat kuntau jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang ini pengkaji akan menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Melalui kaedah yang digunakan dapat membantu pengkaji untuk membuat melakukan proses menganalisis data yang diperolehi. Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

#### **3.3.1 Data Primer**

Data primer ini kebiasaannya diperolehi melalui beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Data primer ini adalah data yang berasal dari sumber yang asli.. Kaedah yang akan digunakan di dalam data primer ini adalah kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian.

##### **Temu Bual**

Kaedah temu bual merupakan proses untuk pengkaji mendapatkan maklumat daripada respondens berkaitan kajian yang dilakukan. Dalam kaedah temu bual ini pengkaji akan menemubual penggerak Seni Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang yang dikenali sebagai Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut mengikut objektif yang telah dibuat oleh pengkaji. Kaedah temu bual ini dilakukan secara berperingkat secara formal dan juga tidak formal.

**Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan proses untuk pengkaji memperolehi maklumat berdasarkan pemerhatian dengan mendengar, memerhati, merekod bagi tujuan mendapatkan data berkaitan kajian yang dijalankan. Dalam kaedah ini juga pengkaji akan membuat pemerhatian dari segi struktur persembahan, cara-cara bermain alat muzik dan juga lagu-lagu yang terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa ini.

### 3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber yang sedia ada. Sumber-sumber sedia ada yang boleh diperolehi adalah daripada data primer, media massa dan juga media elektronik. Data sekunder ini juga boleh didapati melalui buku, artikel, jurnal dan bahan-bahan rujukan serta penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan di dalam data sekunder ini adalah kaedah perpustakaan dan kaedah internet.

#### **Perpustakaan**

Kaedah perpustakaan ini merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Pengkaji akan membuat rujukan buku-buku di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Bachok untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian dijalankan. Dengan menggunakan kaedah perpustakaan ini pengkaji akan mencari buku serta akhbar yang mempunyai maklumat berkaitan dengan kajian.

#### **Internet**

Kaedah internet pula merupakan kaedah yang digunakan untuk pengkaji mencari maklumat tambahan berkaitan kajian-kajian lepas sebagai rujukan. Kaedah internet ini boleh digunakan untuk mencari artikel serta jurnal yang lepas berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah internet ini juga digunakan oleh pengkaji untuk menonton seni persembahan silat di *YouTube*.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan menyatakan hasil dapatan kajian secara terperinci bagi menjawab persoalan-persoalan di dalam bab 1. Dapatan kajian ini adalah berkaitan dengan keputusan atau maklumat yang diperoleh bagi sesuatu kajian yang dilakukan. Di dalam bab ini pengkaji akan memasukkan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian berkaitan Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temubual untuk memperolehi data kajian dengan lebih tepat. Dengan menggunakan kaedah temubual ini, ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data dari responden berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Responden yang diperolehi oleh pengkaji adalah seramai 2 orang responden. Responden ini dipilih daripada ahli Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) tersendiri iaitu pengerusinya Encik Johari Bin Omar dan Encik Mohamad Nazrin Bin Ahmad Shahid selaku ketua pemuda di dalam pertubuhan tersebut.

Di samping itu, pengkaji juga membuat pemerhatian melalui video-video berkaitan silat kuntau jawa Balik Pulau. Daripada pemerhatian tersebut pengkaji telah menganalisis video untuk mendapatkan maklumat untuk mencapai matlamat. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah kepustakaan atraitu lebih dikenali sebagai data sekunder. Dalam kaedah ini pengkaji menganalisis data kajian melalui sumber buku, internet, jurnal, artikel dan akhbar. Sumber-sumber ini digunakan untuk memperoleh data berkaitan dengan silat kuntau jawa secara umum dan khusus.

## 4.2 Maklumat Informan

Maklumat informan yang yang diperoleh di dalam kajian ini dikenali sebagai Encik Johari Bin Omar. Beliau berumur 52 tahun dan berasal dari Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau. Beliau merupakan pengurus kepada Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) daripada tahun 1990 sehingga sekarang. Pada awalnya Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) ini telah diilhamkan oleh Allahyarham Omar Bin Sudin pada tahun 1970-1990. Selain daripada beliau menjadi pengurus untuk pertubuhan tersebut, beliau juga mahir dalam bermain muzik dan juga membuat alat-alat senjata seperti keris, pisau dan parang. Menurut Encik Johari juga silat kuntau jawa ini sudah mula bertapak di Perak pada tahun 1950-an lagi dan Allahyarham Omar Bin Sudin iaitu ayah kepada Encik Johari merupakan salah sorang yang terawal mempelajari silat kuntau jawa ini. Silat kuntau jawa ini dibawa ke Balik Pulau ketika Encik Johari berumur 15 tahun lagi. Selain itu pengkaji juga menemubual Encik Mohamad Nazrin Bin Ahmad Shahid yang berumur 27 tahun selaku ketua pemuda Pertubuhan Penggerak Seni Warisan. Pertubuhan Penggerak Seni Warisan ini masih aktif sehingga sekarang dan mendapat sambutan daripada orang ramai untuk menyertai latihan silat tersebut terutama golongan kanak-kanak.





Rajah 2: Encik Johari Bin Omar

Pengerusi Pertubuhan Penggerak Seni Warisan



Rajah 3: Encik Mohamad Nazrin Bin Ahmad Shahid

Ketua Pemuda Pertubuhan Penggerak Seni Warisan



#### **4.3 Struktur Persembahan Silat Kuntau Jawa Balik Pulau, Pulau Pinang.**

Struktur merupakan susunan atau kandungan yang terbina atau terbentuk daripada pelbagai unsur dan aspek. Struktur persembahan merujuk kepada pelbagai bahagian iaitu dari segi aspek dan unsur yang membentuk sesebuah persembahan dari awal hingga akhir.

Di dalam sesebuah persembahan silat kebiasaannya dimulakan dengan bunga silat di mana bunga silat ini bermaksud rangkaian gerak tubuh yang terdiri daripada langkah, kuda-kuda dan pergerakan tangan yang tersusun kemas yang bercirikan aspek bela diri mengikut irama pergendangan silat. Manakala jurus pula membawa maksud bersambung, berulang-ulang dan terus menerus untuk menuju sesuatu arah. Di dalam silat, jurus ini berasaskan kepada gerak bunga silat yang mengembangkan kemahiran serang bela dengan tangan seperti tumbuk, sauk dan ceduk.

Bagi silat kuntau jawa Balik Pulau ini juga turut menerima jemputan untuk membuat persembahan di majlis pernikahan. Corak persembahan yang dipersembahkan di majlis pernikahan itu adalah berbeza dengan corak persembahan yang lain kerana struktur persembahan bagi majlis-majlis pernikahan dicipta mengikut kreativiti sendiri dan tidak spesifik. Namun bagi persembahan silat kuntau jawa ini mempunyai perbezaan dari segi struktur persembahannya berbanding dengan silat yang lain.

Kebiasaannya latihan untuk persembahan silat kuntau jawa ini dilakukan pada jam 5.00 petang sehingga jam 6.30 petang pada hari Sabtu dan Ahad sahaja. Hal ini kerana ramai anak-anak kecil yang turut menyertai Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) ini dan di hantar oleh waris mereka pada hujung minggu sahaja. Manakala pada sebelah malam pulak latihan dilakukan untuk golongan yang berumur 18 tahun keatas dan tiada had masa yang ditetapkan.

#### 4.3.1 Jurus Tempur 31 (SIKU LANUN)

Jurus Tempur 31 (siku lanun) merupakan salah satu persembahan silat tempor di atas kapal pada zaman nenek moyang dahulu. Di dalam persembahan silat kuntau jawa ini jurus tempur 31 (siku lanun) ini juga dikenali sebagai persembahan untuk berlawan. Langkah pertama di dalam jurus tempur 31 ini dikenali sebagai pecah bunga satu iaitu pemain akan memberi salam atau memberi penghormatan serta memberitahu kepada penonton bahawa persembahan akan dimulakan. Seterusnya ialah pemain akan memulakan dengan jurus-jurus asas pergerakan silat iaitu dengan membuka tapak silat sebelum memasuki ke peringkat yang seterusnya.



Rajah 4 : Latihan bagi Jurus Tempur 31 (siku lanun)

Langkah ketiga di dalam jurus tempur 31 ini para pemain mula memasuki ke peringkat yang lebih mahir dan pemain yang memasuki peringkat ini perlu melepasi jurus asas terlebih dahulu. Hal ini kerana langkah ketiga ini adalah gabungan kepada kesemua langkah-langkah asas bunga. Hasil daripada gabungan tersebut telah menjadikan tempur atau lebih dikenali sebagai buah untuk mempertahankan diri daripada di serang oleh musuh.

#### **4.3.2 Persembahan untuk Majlis**

Selain itu, Pertubuhan Penggerak Seni Warisan Balik Pulau (PPSW) juga turut menerima jemputan untuk membuat persembahan di majlis-majlis tertentu terutama di majlis pernikahan. Menurut Mohamad Nazrin selaku ketua pemuda Penggerak Seni Warisan Balik Pulau, beliau mengatakan bahawa persembahan untuk setiap majlis-majlis yang di hadiri tidak mempunyai langkah-langkah yang tertentu. Hal ini kerana persembahan di majlis-majlis pernikahan direka sendiri mengikut kreativiti yang ingin dipertunjukkan kepada orang ramai mengikut kehendak pasangan raja sehari

Oleh itu di dalam persembahan untuk majlis-majlis pernikahan atau majlis-majlis tertentu tidak mempunyai langkah yang spesifik untuk ditetapkan. Langkah-langkah untuk majlis ini terjadi kerana timbul keserasian antara pasangan itu sendiri dan telah direka oleh pasangan itu sendiri untuk menampakkan langkah atau bunga tersebut lebih cantik mengikut gerak tari yang bersesuaian.



Rajah 5 :Persembahan silat di majlis perkahwinan

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 4.3.3 Berlawan

Silat kuntau jawa ini juga mempunyai corak atau persembahan yang lebih kurang sama dengan silat-silat yang lain iaitu persembahan untuk berlawan. Di dalam silat kuntau jawa ini latihan berlawan ini tidak mempunyai bunga namun ia hanya mempunyai buah lawan sahaja. Untuk latihan berlawan ini pemain dipilih apabila semua telah mahir dalam jurus tempur 31 (siku lanun). Pemain akan diuji oleh guru ataupun jurulatih dengan menggunakan tapak pengelak dan serangan musuh. Bagi persembahan untuk berlawan ini ianya akan dimulakan dengan seorang musuh dahulu dan semakin lama semakin bertambah sehingga menjadikan 9 musuh di dalam satu masa dan mengikut kecepatan serta kemampuan seseorang pemain itu.

Menurut Mohamad Nazrin, beliau mengatakan bahawa latihan atau persembahan berlawan ini tidak mempunyai penamatnya. Bagi latihan berlawan ini pesilat akan berada ditengah bulatan dan dikelilingi oleh mush-musuh. Oleh hal yang demikian, pesilat perlu peka dan bersedia untuk mengelak untuk melindungi dirinya serta boleh memukul salah seorang musuh yang berada berdekatan dengannya. Di dalam berlawan ini pesilat tidak akan diberitahu dari arah mana musuh akan datang menyerang dan oleh itu pesilat perlu peka dan harus tangkas menggunakan akal pemikiran untuk menjatuhkan musuh dari terus menyerang. Bagi berlawan ini ianya diteruskan sehingga kesemua musuh berjaya dihabiskan.

Namun begitu, menurut ketua pemuda Penggerak Seni Warisan tersebut beliau mengatakan bahawa kesemua latihan yang dilakukan tidak menunjukkan cara-cara untuk mematikan latihan atau menamatkan latihan. Hal ini kerana beliau berkata kesemua latihan yang diadakan hanyalah sekadar untuk berkongsi dan latihan semata-mata.



Rajah 6: Pesilat telah diserang oleh musuh

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.4 Alat-alat muzik Silat Kuntau Jawa

Setiap bentuk seni persembahan memerlukan peralatan muzik untuk mengiringi persembahan. Alat-alat muzik di dalam setiap persembahan memainkan peranan untuk mengiringi sesebuah persembahan. Bagi persembahan tradisional alat muzik yang digunakan adalah lebih kurang sama.

Di dalam persembahan silat kuntau jawa ini alat muzik yang digunakan adalah sama dengan alat muzik yang digunakan di dalam persembahan silat yang lain. Alat-alat muzik yang digunakan adalah seperti gendang ibu, gendang anak, serunai dan juga gong. Keempat alat muzik ini digunakan adalah untuk mengiringi lagu serta gerak geri di dalam persembahan silat tersebut dan alat-alat muzik ini membunyikan rentak yang berbeza-beza. Namun terdapat juga alat muzik seperti kompang dan rebana yang turut digunakan di dalam persembahan silat kuntau jawa ini. Selain alat muzik, senjata tradisional juga turut digunakan di dalam latihan silat kuntau ini contohnya seperti keris, kerambit, rotan dan parang.

#### 4.4.1 Gendang Ibu

Gendang ibu atau dikenali juga sebagai rebana ibu merupakan salah satu alat muzik yang utama di dalam persembahan silat kuntau jawa ini. Gendang ibu ini juga boleh dikategorikan sebagai alat muzik paluan yang dipukul menggunakan tapak tangan dan jari bagi menghasilkan bunyi. Permukaan gendang ibu ini diperbuat daripada kulit kambing dan bahagian kayu bulatnya iaitu merupakan kerangka gendang yang diperbuat daripada kayu Tualang Kudung Tunggal. Kelebaran permukaan gendang ibu ini berukuran sekitar 13-16 inci mengikut garis pusatnya. Namun saiz bagi gendang ibu ini adalah tidak tetap kerana ianya bergantung kepada saiz kayu dan citarasa pembuatnya.



Rajah 7: Gendang ibu



#### 4.4.2 Gendang Anak

Gendang anak mempunyai bentuk sama lebih kurang dengan gendang ibu namun saiznya lebih kecil daripada gendang ibu. Gendang anak mempunyai tebukan dalaman yang dibuat menggunakan buluh seruas supaya dapat menghasilkan nada yang tinggi. Baluh atau temalangnya diperbuat daripada kayu jenis nangka, kayu senor, kayu pauh dan sebagainya. Saiz gendang anak juga tidak tetap kerana ianya juga mengikut kepada saiz kayu yang digunakan dan mengikut citarasa pembuatnya.



Rajah 8: Gendang anak

#### 4.4.3 Serunai

Serunai atau lebih dikenali sebagai alat erofon (alat tiupan) merupakan salah satu alat muzik yang menghasilkan melodi. Serunai ini sering digunakan untuk mengiringi persembahan-persembahan tradisional seperti wayang kulit, menora dan silat. Serunai juga mempunyai tujuh lubang petik atau dikenali sebagai lubang penjarian dan mempunyai satu lubang petik sebagai lubang untuk meletakkan ibu jari. Serunai ini menghasilkan bunyi yang tinggi dan juga nada-nada yang bersifat riang ataupun galak. Alat muzik serunai ini pipitnya diperbuat daun pokok lontar yang sederhana tua dan alat ini diperbuat daripada kau dan batangnya berbentuk kon.



Rajah 9: Alat muzik serunai

#### 4.4.4 Gong

Gong atau lebih dikenali sebagai tetawak merupakan alat muzik yang dikelaskan sebagai alat muzik idiofon. Pada zaman dahulu gong ini diperbuat daripada tembaga dengan dindingnya yang tebal namun pada masa kini gong ini diperbuat daripada tembaga atau besi dengan dindingnya yang agak nipis. Terdapat dua jenis iaitu gong ibu dan gong anak dan bagi membezakan gong ibu dan gong anak adalah apabila mendengar nada atau pic gong tersebut.



Rajah 10: Alat muzik gong

#### 4.4.5 Kompang

Kompang merupakan sejenis alat muzik tradisional yang popular bagi masyarakat Melayu. Kompang juga tergolong di sebagai alat muzik gendang dan kompang kebiasaannya diperbuat daripada kulit kambing betina namun pada masa kini ini kompang diperbuat daripada kulit lembu atau kerbau. Untuk pembuatan kompang rotan akan diselit di bahagian belakang antara kulit dan bingkai kompang bertujuan untuk meregangkan permukaan dan suaya bunyi yang dihasilkan itu menjadi kuat.



Rajah 11: Alat muzik kompang

## 4.5 Cara alat muzik dimainkan

Setiap alat muzik mempunyai cara yang tersendiri untuk memainkannya. Silat kuntau ini merupakan salah satu seni persembahan yang menggunakan 'percussion instrument'. Jelasnya lagi apabila semua alat muzik yang terdapat di dalam seni silat kuntau ini terdiri daripada peralatan yang menggunakan tenaga ketukan dan paluan daripada pemainnya. Namun bagi seni silat kuntau jawa ini ianya memerlukan kekuatan tenaga pemain kerana peralatan yang digunakan adalah dicipta sendiri secara tradisional dan tidak menggunakan tenaga elektrik.

### 4.5.1 Gendang Ibu dan Gendang Anak

Cara untuk bermain alat muzik gendang ibu dan gendang anak ini adalah dengan meletakkan gendang secara mendatar dan muka-muka gendang dipukul dengan tangan. Kedua-dua gendang ini dimainkan dengan cara meletakkan di atas tapak kaki pemain dan duduk bersila dan lutu kanan pemain akan dimasukkan ke dalam mulut gendang sehingga mencecah ke kulit muka untuk menghasilkan bunyi. Setiap gendang dapat menghasilkan dua bunyi yang tertentu apabila dipukulnya dengan cara yang tertentu.

Bagi cara untuk bermain gendang anak adalah dengan memukul di bahagian tengah gendang sehingga bunyi 'cak' dihasilkan. Selain itu, untuk mendapatkan bunyi 'cak' tersebut perlulah merapatkan tangan ke muka kulit besar pada gendang anak. Namun bagi gendang ibu pula, cara memainkannya adalah seakan-akan sama dengan gendang anak di mana permukaan kecil di gendang ibu dipukul untuk menghasilkan bunyi 'pak'. Manakala apabila pukul di bahagian permukaan besar gendang ibu ianya akan menghasilkan bunyi 'duh' dan ianya sedikit berbeza kerana bunyinya lebih rendah dan tidak bergaung.

#### 4.5.2 Serunai

Cara bermain serunai ini adalah dengan meletakkan mulut dan bibir pemain di piring kecil iaitu di capping serunai. Namun untuk menghasilkan sebuah melodi melalui serunai ini pemain perlu menggunakan cara pernafasan yang berterusan atau berpusingan. Pernafasan yang betul membolehkan udara ditiup daripada mulut pemain ke dalam pelidah serunai. Apabila pemain meneruskan untuk meniup udara daripada mulut ianya terpaksa menyedut udara daripada hidung kerana udara yang banyak diperlukan. Oleh itu sekiranya udara daripada mulut tidak berhenti maka melodi serunai juga tidak akan berhenti atau terputus sehingga lagu selesai.

#### 4.5.3 Gong

Cara memainkan gong ini adalah dengan memukul di bahagian busut menggunakan pemukul yang berbalutkan getah dan ianya akan menghasilkan bunyi yang berlainan iaitu (pic rendah) di panggil 'ibu' dan (pic tinggi) dipanggil 'anak'. Pic bagi gong ibu adalah sentiasa dimainkan pada akhir gongan yang tertentu dan pada tamat sesuatu lagu manakala pic bagi gong anak dimainkan pada hujung dalam gongan yang tertentu sahaja. Gong ini akan digantung pada pemidang kayu dan akan dipukul atau ditabuh dengan pemukulnya. Pemukul gong ini diperbuat daripada kayu bulat dan panjang bentuknya dililit dengan kain yang tebal agar apabila gong diketuk pic yang lembut dan panjang akan dapat dibunyikan.

#### **4.6 Lagu-lagu yang terdapat di dalam persembahan Silat Kuntau Jawa**

Muzik merupakan elemen yang penting di dalam sesebuah persembahan dan muzik juga berkait rapat dengan jiwa dan naluri manusia. Hal ini kerana muzik memainkan peranan yang penting untuk menaikkan suasana persembahan. Muzik juga bersifat sejagat yang wujud di dalam budaya namun makna dan kepentingannya adalah berbeza-beza. Kebanyakan lagu-lagu di dalam seni persembahan dicipta sendiri oleh mengikut kepada keseuaian. Begitu juga dalam seni persembahan silat, muzik dan lagu juga digunakan kerana ianya merupakan satu komponen yang penting di dalam sesebuah persembahan.

Dalam setiap persembahan silat akan mempunyai satu kumpulan yang mewakili untuk memainkan muzik-muzik di dalam persembahan tersebut. Kumpulan muzik inilah yang akan memainkan alat muzik dan seterusnya mengiringi persembahan silat. Kumpulan pemuzik di dalam silat kuntau jawa ini diberi gelaran sebagai Gendang Muzik Pertubuhan Penggerak Seni Warisan (PPSW).





Rajah 12: Gendang Muzik Pertubuhan Penggerak Seni Warisan (PPSW)

Sehubungan dengan itu, di dalam silat kuntau jawa ini tidak mempunyai lagu-lagu yang tertentu untuk mengiringi persembahan silat tersebut. Namun hanya terdapat satu lagu sahaja yang digunakan di dalam persembahan silat kuntau jawa ini iaitu lagu irama silat. Lagu irama silat di dalam persembahan silat kuntau jawa ini adalah bertujuan untuk menambahkan semangat dan untuk hiburan sahaja kepada pesilat sewaktu latihan diadakan.

Lagu irama silat ini juga digunakan untuk kesemua latihan yang ada di dalam silat kuntau jawa ini bertujuan untuk menaikkan lagi semangat pesilat sewaktu menjalankan latihan. Menurut Mohamad Nazrin, lagu irama silat di dalam seni silat kuntau ini tidak mempunyai maksud yang tertentu dan tidak mempunyai unsur-unsur yang boleh melalaikan. Hal ini kerana seni silat kuntau jawa ini hanya bertujuan untuk



mempertahankan diri sahaja dan tidak mempunyai elemen-elemen seperti pemujaan dan sebagainya.

Selain itu, pengkaji juga dimaklumkan bahawa lagu irama silat ini mempunyai bunyi-bunyi yang berbeza sekiranya dimainkan di dalam persembahan atau latihan. Namun irama silat ini tidak digunakan di dalam latihan berlawan dan jurus tempur 31 kerana di dalam latihan tersebut pesilat hanya memerlukan suara semangat sahaja untuk mengiringi mereka. Lagu irama silat ini juga turut digunakan di dalam persembahan majlis-majlis pernikahan yang dihadiri kerana bersesuaian dengan unsur-unsur hiburan.

Seterusnya pengkaji mendapati bahawa alat-alat muzik di dalam persembahan silat ini memainkan peranan penting untuk lagu irama silat ini. Dalam lagu irama silat ini lagu dimulakan dengan tiupan serunai seterusnya diikuti oleh gendang anak dan gendang ibu dan disertai pukulan gong. Pengkaji difahamkan bahawa di dalam lagu irama silat ini gendang memainkan peranan penting untuk memastikan alunan lagu itu sama. Rentak lagu irama silat ini adalah berdasarkan kepada pergerakan pesilat di dalam persembahan silat kuntau jawa ini. Sekiranya pergerakan pesilat bergerak semakin laju dan pantas maka rentak lagu irama silat ini perlu lebih laju mengiringi pergerakan pesilat.

#### **4.7 KESIMPULAN BAB**

Di dalam bab ini pengkaji menghuraikan secara mendalam dan terperinci berkaitan struktur persembahan yang terdapat di dalam seni silat kuntau jawa, alat-alat muzik yang digunakan untuk persembahan silat kuntau jawa dan lagu-lagu yang terdapat di dalam seni silat kuntau jawa ini. Selain itu dalam bab ini juga pengkaji memasukkan maklumat-maklumat informan yang telah ditemubual untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan kajian ini. Dengan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian ini pengkaji telah Berjaya untuk mengumpul maklumat berkaitan silat kuntau jawa Balik Pulau, Pulau Pinang. Hasil daripada analisis kajian ini pengkaji mendapati semua objektif kajian tercapai dan semua maklumat dapat dikumpul.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan berkaitan kesimpulan dan cadangan selepas memperoleh maklumat daripada dapatan kajian dan bab ini juga merangkumi keseluruhan daripada bab 1 hingga bab 4. Bab ini juga adalah untuk menyatakan pandangan bagi memastikan seni silat ini tidak dilupakan oleh masyarakat sekarang. Ia juga meliputi peranan dari pelbagai pihak untuk mengekalkan seni silat ini.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Secara umumnya seni silat ini merupakan seni bela diri masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu lagi sebelum kedatangan pengaruh luar di tanah Melayu. Silat juga diamalkan oleh orang-orang Melayu sebagai silat tempatan dan melambangkan warisan bangsa. Seni silat ini memainkan peranan dalam memelihara warisan bangsa kita kerana dapat dilihat dari segi gerak tari silat, pensejataan, alat-alat muzik yang digunakan serta pakaiannya sendiri jelas menunjukkan lambang masyarakat Melayu. Silat ini juga mendidik individu untuk menjadi lebih disiplin, berani, tegas serta mempunyai tanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Silat kuntau jawa ini juga merupakan salah satu seni warisan yang terkenal di Balik Pulau, Pulau Pinang. Hal ini kerana silat merupakan salah satu identiti kepada masyarakat Melayu. Pengkaji juga mendapati bahawa silat kuntau jawa di Balik Pulau ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi struktur persembahannya, alat muziknya dan juga lagu yang digunakan di dalam persembahan silat tersebut. Hal ini kerana struktur persembahan di dalam silat kuntau ini berbeza dengan persembahan-persembahan silat yang lain. Namun apa yang menunjukkan perbezaan

silat kuntau jawa ini berbanding dengan silat-silat yang lain adalah mengenai lagu yang digunakan di dalam persembahan silat ini. Hal ini disebabkan di dalam persembahan silat kuntau jawa ini hanya mempunyai satu lagu sahaja dan digunakan di dalam semua bentuk persembahan.

Silat kuntau jawa ini dapat memupuk semangat, kasih sayang dan saling menghormati. Sekiranya budaya silat ini dilupakan maka akan berlakunya percampuran budaya luar seterusnya menyebabkan masyarakat Melayu hilang identiti sebenar. Silat ini juga serba sedikit dapat membina identiti masyarakat Melayu kerana ianya mengajar erti pegangan jati diri Melayu. Secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa seni persembahan silat kuntau jawa ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi struktur persembahannya, alat muzik yang digunakan dan lagu yang terdapat di dalam persembahan silat kuntau jawa ini.

Oleh itu, kajian terhadap seni persembahan silat kuntau jawa di Balik Pulau, Pulau Pinang ini telah dilaksanakan dengan baik dan jayanya. Pertubuhan Penggerak Seni Warisan (PPSW) ini juga merupakan satu pertubuhan yang mewarisi seni silat kuntau jawa di Balik Pulau dan memperkenalkan silat kuntau ini kepada masyarakat dengan meluas. Kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik atas kerjasama yang diberikan oleh responden. Pengkaji memilih kajian berkaitan seni persembahan silat kuntau jawa ini kerana pengkaji mendapati silat kuntau ini kurang mendapat perhatian dan minat daripada masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan generasi muda.

## 5.3 CADANGAN

Seni persembahan silat kuntau jawa merupakan sebuah gerak tari yang sememangnya dipersembahkan sejak dahulu lagi. Dalam memastikan seni silat kuntau jawa ini berkekalan dan mendapat sambutan daripada orang ramai pelbagai pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

### 5.3.1 Cadangan kepada Sekolah

Pihak sekolah perlulah memainkan peranan yang penting dalam memastikan seni persembahan silat ini diperkenalkan kepada pelajar-pelajar. Hal ini kerana sekolah merupakan medium yang betul untuk pelajar menimba ilmu pengetahuan. Pihak sekolah boleh di sekitar Pulau Pinang mengadakan program atau aktiviti berkaitan persembahan kesenian dan menjemput Pertubuhan Penggerak Seni Warisan untuk membuat persembahan sekaligus memperkenalkan seni silat di sekolah-sekolah.

### 5.3.2 Cadangan kepada Masyarakat

Masyarakat perlulah menerapkan minat dalam seni persembahan silat ini kerana ia akan memberi kepentingan kepada generasi akan datang. Selain itu masyarakat juga perlu mendidik anak-anak sejak dari kecil untuk mengenali seni persembahan silat ini kerana silat ini merupakan salah satu daripada identiti masyarakat Melayu. Malahan juga kepada penduduk kampung di sekitar Balik Pulau boleh mengunjungi ke tempat katihan silat kuntau jawa ini untuk melihat latihan diadakan. Media massa juga perlu memainkan peranan penting untuk mempromosi seni silat ini kepada masyarakat melalui *Facebook* dan *YouTube*.

### 5.3.3 Cadangan kepada Negara

Di dalam hal ini pihak kerajaan perlulah memainkan peranan yang penting untuk melestarikan seni persembahan silat ini. Sebagai contoh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya di cawangan Pulau Pinang boleh mempromosikan dan sekaligus memainkan peranan untuk mengekalkan seni persembahan silat ini supaya tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang. Hal ini sejajar dengan pengiktirafan seni silat ini sebagai warisan tidak ketara dunia.

**RUJUKAN**

- Ahmad, s. (2016). *Silat Kuntau Lenggong Terpinggir*. Berita Harian Online.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ling, T. Y. (2018). *Upacara Ritual Gong Tek Masyarakat Teo Chew Cina Di Malaysia: Muzik, Teks Dan Gerakan*.
- Mohamad kamil Bin Hj Ab Majid & Muhammed Bin Yusof. (2008). Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 105-121.
- Mohamad Nizam Mohamaed Shapie, PHD, Mohd Shahiid Elis & Aminuddin Anuar. (2016). *Silat Warisan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Mohd Kipli Abdul Rahman & Tarmiji Masron. (2013). *Merekayasa Kearifan Tempatan: Citra Seni Dalam Teknologi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin & Badaruddin Mohamed. (2012). Warisan Kebudayaan Boria Dan Pelancongan. *Sustainable Tourism Research Cluster and School of Housing, Building and Planning, Universiti Sains Malaysia*.
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hisham, Mohd Anuar Ramli & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2019). Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Fiqh, Vol. 16 No.2*, 321-352.

Nasaruddin, M. G. (1992). *The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Patrica Matusky & Hamzah Bin Awang Mat. (1998). *Muzik Wayang Kulit Kelantan*. Pulau Pinang. The Asian Centre.

Shamsuddin, S. (2005). *The Malay Art of Self-Defense: Silat Seni Gayong*. North Atlantic Books.

Yaacob, Z. F. (2013, 1-5 Mei). *Kuntau Jawa Identiti Melayu Balik Pulau*. Pulau Pinang: Buletin Mutiara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## LAMPIRAN A

### 1. Laman dan ahli-ahli Pertubuhan Penggerak Seni Warisan (PPSW)

